



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
JABATAN PERTANIAN

**TEKS UCAPAN ALU-ALUAN
YBHG. DATO' NOR SAM BINTI ALWI
KETUA PENGARAH PERTANIAN**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN SEMINAR KEBANGSAAN
AMALAN PERTANIAN BAIK MALAYSIA
SUBSEKTOR TANAMAN TAHUN 2026**

**10 FEBRUARI 2026 | SELASA
BANGI AVENUE CONVENTION CENTER, SELANGOR**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun dalam Majlis Perasmian Seminar Kebangsaan Amalan Pertanian Baik Malaysia Subsektor Tanaman Tahun 2026 pada malam yang penuh bermakna ini.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Datuk Chan Foong Hin, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, atas kesudian untuk hadir dan menyempurnakan majlis perasmian seminar ini. Kehadiran Yang Berhormat Datuk di sebalik kesibukan jadual rasmi yang padat, jelas mencerminkan komitmen dan sokongan berterusan Kementerian terhadap pembangunan sektor pertanian negara, khususnya subsektor tanaman agromakanan. Marilah kita berikan tepukan yang gemuruh kepada Yang Berhormat Datuk.
3. Saya juga ingin mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada seluruh hadirin, khususnya usahawantani dari segenap pelosok tanah air. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan membuktikan kesepaduan tekad kita untuk terus mengangkat

martabat sektor pertanian negara agar lebih berdaya saing dan mampan.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

4. Seminar dua hari ini menghimpunkan lebih 300 peserta, terdiri daripada usahawantani serta pegawai pengembangan dari seluruh negara. Penganjurannya berteraskan tiga objektif utama, iaitu:

- Pertama, memperkukuh kefahaman terhadap piawaian Amalan Pertanian Baik Malaysia bagi memastikan produk pertanian negara kekal relevan dan kompetitif di pasaran domestik serta global;
- Kedua, menyediakan platform jalinan strategik dan perkongsian ilmu antara pakar industri, pembuat dasar dan pelaksana di lapangan; dan
- Ketiga, menyokong agenda nasional dalam memperkukuh keselamatan makanan melalui pelaksanaan amalan pertanian baik yang seragam, berkesan dan berimpak tinggi.

5. Pengisian seminar ini dirancang secara komprehensif dengan pembentangan empat kertas kerja utama yang merangkumi aspek pensijilan, kelestarian ladang, strategi pemasaran dan keselamatan pekerjaan. Sebagai nilai tambah, sesi dialog eksklusif turut diadakan bagi memperjelas dasar serta inisiatif terkini kerajaan kepada para peserta.
6. Pada kesempatan majlis ini juga, Jabatan Pertanian mengambil peluang untuk menyampaikan anugerah dan penghargaan kepada usahawantani serta pegawai pengembangan yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam pelaksanaan amalan pertanian baik sepanjang tahun 2025. Pengiktirafan ini bukan sekadar simbol penghargaan, malah sebagai pemangkin untuk melonjakkan budaya kecemerlangan dalam ekosistem pertanian negara.

Hadirin sekalian,

7. Sektor pertanian hari ini berdepan cabaran yang semakin kompleks dan dinamik. Isu keterjaminan makanan kini menjadi keutamaan nasional yang berkait rapat dengan kesejahteraan rakyat dan kestabilan negara. Dalam konteks ini, peningkatan

kuantiti pengeluaran semata-mata tidak lagi memadai sekiranya tidak disokong oleh jaminan kualiti, keselamatan makanan dan kelestarian pengeluaran.

8. Di sinilah terletaklah kepentingan pensijilan amalan pertanian baik seperti myGAP dan myOrganic. Pematuhan kepada pensijilan tersebut bukan sahaja menjamin hasil pertanian yang selamat dan berkualiti, malah memastikan kebajikan pekerja serta pemeliharaan alam sekitar terus terpelihara. Pensijilan amalan pertanian baik merupakan passport utama yang membolehkan produk tempatan menembusi pasaran yang kompetitif, di samping memastikan rakyat menikmati hasil bumi yang selamat dan berkualiti tinggi setara piawaian antarabangsa.
9. Sehubungan itu, saya menyeru kepada semua peserta agar memanfaatkan seminar ini sepenuhnya untuk bertanya, berdialog dan membina jaringan kerjasama strategik. Terjemahkan ilmu dan amalan terbaik yang diperolehi kepada tindakan nyata di ladang masing-masing demi kelangsungan dan kemajuan sektor pertanian negara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Datuk atas kesudian menyempurnakan majlis perasmian ini. Terima kasih juga kepada seluruh ahli jawatankuasa, rakan agensi dan para peserta yang menjayakan seminar ini.

Sekian, terima kasih. Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.